

PERANAN DAN KEWIBAWAAN UMMU ‘ATIYYAH R.HA: KAJIAN BERDASARKAN HADITH DALAM *ṢAḤĪḤ AL- BUKHĀRĪ*

THE ROLE AND AUTHORITY OF UMM ‘ATIYYAH R.HA: A STUDY BASED ON HADITH IN ṢAḤĪḤ AL-BUKHĀRĪ

Rusni Mohamad^{1*}

¹ Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak (E-mail: rusni@fsk.upsi.edu.my)

*Corresponding author

Article history

Received date : 13-12-2025
Revised date : 14-12-2025
Accepted date : 9-2-2026
Published date : 4-3-2026

To cite this document:

Mohamad, R. (2026). Peranan dan kewibawaan Ummu ‘Atiyyah r.ha: Kajian berdasarkan hadith dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (81), 72 – 84.

Abstrak: Kedatangan Islam dengan pengutusan Nabi SAW antaranya bertujuan untuk menghapuskan sikap diskriminasi terhadap golongan wanita dalam kehidupan bersosial dan kekeluargaan seterusnya mengangkat kedudukan mereka. Namun segelintir masyarakat Islam seperti golongan Feminisme masih mendakwa bahawa Nabi SAW bersikap bias terhadap wanita dengan mengehadkan penglibatan mereka dalam kegiatan sosial masyarakat. Perkara ini secara tidak langsung melabelkan Islam sebagai agama yang bias gender walhal Islam meletakkan wanita sebagai tunjang kesejahteraan sesebuah keluarga dan. Oleh itu, kajian ini akan merungkaikan peranan wanita pada zaman Nabi SAW khusus kepada Ummu ‘Atiyyah R.HA terhadap penglibatannya dalam pelbagai kegiatan kehidupan dengan mengkaji latar belakang dan peranannya terhadap keluarga, masyarakat bahkan agama berdasarkan penelitian terhadap hadith-hadith riwayatnya sendiri dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kajian ini menggunakan metode pengumpulan data berdasarkan kaedah dokumentasi iaitu menggunakan kaedah perpustakaan sepenuhnya dengan mengaplikasikan metode analisis kandungan untuk menganalisis data-data yang telah dikumpulkan. Hasil kajian menunjukkan, Nabi SAW dan agama Islam membuka ruang yang luas kepada wanita untuk melibatkan diri dalam kegiatan sosial dan memainkan peranan terhadap negara dan agama sebagaimana Umm ‘Atiyyah R.HA terkenal sebagai pakar rujuk bukan sahaja bagi golongan wanita bahkan golongan lelaki dalam mempelajari tatacara memandikan jenazah. Beliau juga merupakan anggota tentera yang berperanan menyediakan makanan dan minuman serta keperluan rawatan kepada tentera-tentera Islam dalam tujuh peperangan besar dalam Islam. Kewibawaan sebagai perawi hadith pula menunjukkan peranannya terhadap syariat agama yang sekali gus menunjukkan Islam membuka ruang yang luas terhadap wanita untuk terlibat dalam masyarakat dan negara selama mana tidak bertentangan dengan syariat Islam.

Kata Kunci: Ummu Atiyyah R.HA; Peranan; Hadith; *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.

Abstract: *The arrival of Islam with the sending of the Prophet SAW aimed, among other things, to eliminate discrimination against women in social and family life and to elevate their status. However, a small segment of the Islamic community, such as feminist organisations, still claim that the Prophet Muhammad (peace be upon him) was biased against women, indirectly labelling Islam as a religion that discriminates against gender. In reality, Islam places women as the pillars of family and national well-being, and their role is crucial for the betterment of society. Therefore, this study will examine the position of a woman during the time of the Prophet SAW named Umm 'Atiyyah R.HA by analysing her background and role in the family, society, and even religion based on research into the hadiths narrated in Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. This study employs a data collection method based on documentary evidence, specifically using library-based research, combined with content analysis and inductive methods to analyse the identified data. The results of the study indicate that the Prophet SAW and Islam opened up a wide space for women to engage in social activities and play a role in the state and religion, as Umm 'Atiyyah R.HA was renowned as an expert in reference not only for women but also for men in studying the proper way to perform the ritual washing of the deceased during the early days of Islam. She was also a member of the front line who played a role in providing food, drink, and medical supplies to Islamic soldiers in seven major battles in Islam. Her authority as a narrator of hadith also shows her role in religious law, which in turn shows that Islam opens up a wide space for women to be involved in society and the state as long as it does not conflict with Islamic nature and law.*

Keywords: *Ummu 'Atiyyah R.HA; Roles; Hadith; Sahih al-Bukhari.*

Pengenalan

Greek dianggap sebagai tahap tamadun yang boleh dibanggakan, namun kehidupan wanita pada ketika itu amat menyedihkan. Hal ini kerana pada ketika itu wanita terbahagi kepada tiga kelompok. Kelompok pertama adalah pemuas nafsu lelaki manakala kelompok kedua adalah pelayan menjaga kesihatan tuannya dan yang ketiga adalah golongan isteri yang melaksanakan tugas semata-mata untuk menjaga anak, rumahtangga serta keperluan keluarga (Baterah Alias & Che Zarrina Sa'ari, 2007). Pada zaman jahiliah pula, wanita dianggap sebagai hamba dan harta yang tidak menguntungkan sehingga kedudukan, maruah dan nilai mereka tidak dibela. Nilai mereka amat rendah apabila bayi-bayi perempuan yang baru dilahirkan ditanam hidup-hidup demi untuk mengelakkan kehinaan dan terhadap sebuah keluarga itu di kemudian hari (Ibn al-Kathīr, 1419H).

Setelah kedatangan Islam, fenomena ini dihapuskan dan sosiobudaya jahiliah yang menzalimi kaum wanita semakin menghakis. Hal ini kerana Islam adalah agama tauhid iaitu suatu penetapan yang membawa maksud penolakan segala bentuk pengabdian kecuali kepada Allah SWT. Di sinilah terletaknya pembebasan dari segala jenis pembelengguan termasuklah kaum wanita juga turut terbela. Dalam surah al-Nisa ayat 124 yang bermaksud:

“Barang siapa yang mengerjakan amal soleh, baik lelaki mahupun wanita sedang ia orang yang beriman maka mereka itu masuk ke dalam syurga dan mereka tidak dianiaya walau sedikit pun.

Ayat tersebut antara contoh ayat al-Quran menunjukkan Islam memartabatkan dan memuliakan kedudukan wanita seiring dengan kaum lelaki. Kemuliaan manusia tidak bergandung kepada perbezaan jantian akan tetapi kepada ketinggian ketaqwaan dalam diri seseorang. Maka tidak

hairanlah golongan wanita mendapat kedudukan terhormat pada zaman Nabi SAW. Mereka mendapat perhatian yang tidak berbeza dengan kaum lelaki. Apabila golongan lelaki berperanan dalam dunia politik, perempuan juga tidak dilarang untuk memainkan peranan mereka dalam bidang yang sama bahkan kedudukan golongan wanita dengan Rasulullah SAW amatlah dekat. Misalnya, ketika kaum lelaki dapat menghadiri kelas pengajian dengan Rasulullah SAW, golongan wanita tidak mahu ketinggalan sehingga wanita-wanita Ansar bertemu Nabi SAW dan memohon diadakan kelas agama untuk mereka (al-Bukhārī, 2008). Perkara ini menunjukkan golongan wanita tidak dipinggirkan dan diabaikan dalam bidang-bidang penting khusus bidang pengajian Ilmu. Hal ini kerana, mereka mempunyai peranan yang sangat penting dalam pembangunan masyarakat yang bermula daripada pendidikan dalam rumahtangga terhadap anak-anak kerana pada masa akan datang mereka akan menguruskan masyarakat dan negara.

Permasalahan Kajian

Peranan wanita dalam Islam memang tidak akan pernah habis untuk diperbincangkan, salah satunya mengenai prestasi besar wanita dalam dunia Islam iaitu peranan mereka dalam meriwayatkan hadith Nabi Muhammad SAW dan terlibat secara langsung dalam kehidupan bersosial. Tak dapat dimungkiri bahawa wanita memiliki peranan yang cukup signifikan dalam menyampaikan berita mengenai perilaku dan kehidupan Nabi Muhammad SAW yang menjadi teladan seluruh umat Islam. Sumbangan besar wanita dalam meriwayatkan hadith Nabi Muhammad SAW memberikan dampak positif dalam mengangkat martabat wanita, padahal kehidupan golongan itu sebelum datangnya Islam sangat dipinggirkan dan sering mendapat kehinaan.

Dalam bidang hadith juga, terdapat perkaitan aspek periwayatan hadith dengan aktiviti kehidupan bagi seseorang sahabat dan perkara tersebut mempengaruhi periwayatannya. Hal ini kerana, sebagai sebuah teks yang dicatat dan direkodkan, hadith diriwayatkan dalam konteks dan kondisi tertentu. Oleh kerana itu, setiap periwayatan memiliki periwayatan hadith yang sesuai dengan konteks, status, profesi dan bahkan gender mereka. (Zunly, 2020). Pada zaman awal Islam iaitu pada zaman kehidupan Nabi SAW, dapat dilihat penglibatan golongan wanita dalam proses periwayatan hadith dan pembentukan wacana Islam awal. Ibn Ishaq menyebut tidak kurang daripada 50 orang wanita yang berstatus sebagai sahabat telah terlibat dalam periwayat hadith. Daripada beberapa isteri Nabi Muhammad SAW pula, Aisyah merupakan salah seorang isteri baginda yang paling banyak meriwayatkan hadith iaitu mencapai sejumlah 2210 hadith. Daripada jumlah tersebut 147 hadith disepakati kesahihannya oleh Bukhari-Muslim. Manakala Imam Bukhari meriwayatkan sebanyak 54 hadith sementara Imam Muslim meriwayatkan darinya sebanyak 68 hadith. Kajian menunjukkan, dalam *al-Kutub al-Tis'ah* melibatkan 5, 965 hadith, Hind binti Abu Umayyah R.HA pula meriwayatkan sebanyak 622 hadith, Maymunah binti al-Harith R.HA meriwayatkan 172 hadith, Umm Habibah Ramlah binti Abu Sufyan R.HA meriwayatkan 144 hadith dan Hafsa binti Umar ibn al-Khattab R.HA meriwayatkan 147 hadith. Manakala jumlah periwayatan wanita pada peringkat sahabat yang hadith-hadith mereka dimuatkan dalam *al-Kutub al-Tis'ah* adalah 132 orang. Jumlah itu sama dengan 12.6% daripada total seluruh periwayat hadith zaman sahabat yang tercatat dalam *al-Kutub al-Tis'ah* sebanyak 1046 orang periwayat hadith (Agung Danarta, 2007).

Namun demikian, setelah Islam mengangkat kedudukan wanita agar tidak lagi ditindas dan dihina serta mendapat tempat dan ruang dalam segenap aspek kehidupan sosial, muncul musuh-musuh Islam yang sejak sekian lama tidak selesa melihat kedudukan Islam dan secara zahir menunjukkan penolakan terhadap Islam dan juga sumber-sumber wahyu khususnya hadith.

Mereka mencipta dakwaan untuk meruntuhkan agama dan berusaha menolak hadith-hadith Nabi SAW dan menghina Nabi SAW secara tidak langsung. Berhubung isu wanita, golongan yang dikenali sebagai feminisme khususnya mendakwa Nabi SAW dan hadith-hadithnya mengandungi unsur-unsur misogoni iaitu bias terhadap wanita yang secara langsung mendakwa Nabi SAW mendiskriminasi golongan wanita dengan sifat kebencian, kezaliman dan diskriminasi. (Muhammad Rikza et al., 20204)

Mereka menganggap, masyarakat keliru antara ajaran Islam yang sebenar dengan budaya bias yang membataskan keterlibatan wanita dalam ruang sosial kehidupan manusia malah mereka menganggap perbezaan hukum antara lelaki dan wanita bukan ketetapan mutlak dalam agama (Md. Asham, 2022). Selain itu, mereka berusaha mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dan hadith untuk memperjuangkan hal wanita, termasuk isu kepimpinan, penyaksian dan urusan pembangunan masyarakat serta menolak pandangan bahawa wanita tidak boleh terlibat dalam aktiviti masyarakat dan menuntut untuk aktif dalam politik dan bidang-bidang lain seperti ekonomi dalam pembangunan negara dan masyarakat. Akhirnya, golongan ni muncul dengan pelbagai nama dan pendekatan masing sehingga muncul golongan yang bersifat radikal dan amat berpengaruh di seluruh dunia (Muhammad Adam et al., 2025).

Terkait kritikan mereka terhadap hadith Nabi SAW, mereka menganggap bidang hadith itu sendiri mendiskriminasi golongan wanita apabila menganggap hadith-hadith yang bias terhadap wanita diriwayatkan oleh perawi-perawi lelaki dan disyarahkan oleh para cendekiawan lelaki mengikut kepentingan mereka bahkan menganggap golongan naratif agama dipelopori oleh golongan lelaki semata-mata (Nur Saadah & Nurdina, 2017).

Oleh yang demikian, adakah benar dakwaan golongan feminisme tersebut sehingga menampakkan Islam tidak melindungi wanita. Perkara ini bercanggahan dengan catatan sejarah Islam bahawa Nabi SAW dan agama Islam amat melindungi wanita dan memelihara mereka dan menjadi antara tujuan pengutusan Nabi SAW bahkan membuka ruang dan peluang yang besar kepada mereka untuk melibatkan diri dalam bidang sosial masyarakat. Golongan feminis ini juga mengkritik hadith-hadith yang dianggap bias dengan mempertikaikan penglibatan perawi-perawi hadith. Oleh yang demikian itu, kajian ini akan merungkai adakah dakwaan golongan feminisme khususnya tentang sikap diskriminasi Nabi SAW terhadap wanita dan penglibatan wanita dalam periwayatan hadith berdasarkan pengkajian terhadap salah seorang sahabat wanita Nabi SAW yang bernama Umm Atiyyah R.HA tentang peranannya dalam bidang-bidang sosial masyarakat berdasarkan hadith-hadith dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Muslim*. Jelasnya, sangat besar kemungkinan terdapat ratusan sahabat wanita yang lain yang dapat dirungkai keterlibatan mereka dengan pelbagai bidang sosial masyarakat yang dapat diketahui melalui hadith-hadith Nabi SAW sendiri hanya saja kajian ini memilih seorang sahabat sahaja kerana keterbatasan kajian dan mementingkan analisis yang fokus dan mendalam.

Tinjauan Literatur

Kajian ini telah menelusuri kajian-kajian lepas yang mengkaji tentang peranan para sahabat wanita dan penglibatan mereka dalam bidang sosial masyarakat berdasarkan hadith. Hasil dapatan menunjukkan, kajian-kajian adalah mengkaji tentang tokoh-tokoh wanita pada zaman awal Islam dalam empat aspek. Pertama adalah periwayatan dan penyebaran hadith manakala kedua adalah peranan dalam dakwah, keluarga dan masyarakat. Ketiga, sumbangan mereka terhadap bidang hadith, dakwah Islam, pembangunan keluarga Islam, masyarakat dan negara

Islam manakala yang terakhir adalah peranan mereka dalam bidang dakwah terhadap masyarakat menurut tafsir al-Quran.

Kajian oleh Zunly Nadia (2020) yang bertajuk ‘Peran dan aktivitas perempuan era Muhammad SAW (Studi atas hadis-hadis riwayat sahabat perempuan)’. Artikel ini membahaskan tentang peranan beberapa nama sahabiah pada zaman Nabi SAW seperti Aishah binti Abu Bakar R.HA, Nusaibah binti Ka’ab R.HA, Al-Rubayyi’ binti Mu’awwidz R.HA, Ummu Haram binti Malihan R.HA dan beberapa yang lain. Kajian menonjolkan perkaitan periwayatan hadith dan konteks periwayatan seseorang perawai wanita yang dapat dikenalpasti melalui hadith-hadith mereka. Seperti Aishah R.HA hadith-hadith periwayatannya melibatkan aktiviti pengajian Ilmu dan penglibatan beliau dalam masyarakat. Perkara tersebut menunjukkan penglibatan beliau dalam masyarakat pada zaman awal Islam dan sekaligus menunjukkan penglibatannya. Manakala yang lain memainkan peranan tersendiri seperti pengasuh, ahli perubatan dan bidan, perias pengantin dan beberapa perana lain. Berdasarkan penelitian, kajian tersebut tidak merujuk peranan dan hadith-hadith Umm ‘Atiyyah R.HA. dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang menjadi pemfokusan utama kajian penulis.


Manakala kajian oleh Nurul Effa & Berhanuddin (2019) dengan tajuk ‘Peranan Wanita Muslimah Dalam Dakwah Kepada Keluarga dan Masyarakat’. Kajian ini memfokuskan tentang peranan wanita dalam pelbagai aspek kehidupan dengan memfokuskan kepada ayat-ayat al-Quran dan buku-buku agama manakala perbahasan melibatkan peranan wanita terhadap keluarga dan masyarakat. Adapun kupasan maksud ayat adalah merujuk tafsir klasik manakala penjelasan tentang kisah para wanita zaman Nabi SAW adalah berdasarkan buku-buku agama dalam bidang sirah. Dua pemfokusan kajian ini adalah terhadap peranan wanita berdakwah terhadap keluarga dan juga masyarakat. Kedua-dua aspek ini dibahaskan untuk menunjukkan kepentingan wanita memainkan peranan mereka untuk membangunkan masyarakat yang soleh. Tokoh-tokoh yang terlibat adalah Khadijah R.HA dan Aishah R.HA dalam membantu Nabi SAW membangunkan masyarakat Islam di Mekah dan Madinah sehingga Islam tersebar meluas ke luar tanah Arab terutama peranan Khadijah R.HA yang menjadi perangsang Nabi, bijak mengawal keadaan dan penenang Nabi SAW. Manakala Aishah R.HA pula menjadi pakar rujuk masyarakat dan mendidik masyarakat tentang ilmu agama. Kesimpulannya, kajian tersebut tidak merujuk hadith-hadith tentang peranan para sahabat wanita pada zaman Nabi SAW dan tokoh-tokoh yang terlibat sebagaimana yang dinyatakan tidak melibatkan tokoh dalam kajian penulis.

Kemudiannya kajian bertajuk ‘Peran Wanita dalam Pengumpulan dan Penyebaran Hadis’ oleh Erna, Alwi, M Agil & Uday (2024). Kajian ini mengaplikasikan metode kualitatif dengan metode deskriptif yang melibatkan metodologi kajian perpustakaan. Kajian ini memfokuskan wanita-wanita pada zaman awal Islam yang berperanan sebagai periwayat hadith dengan memberikan sumbangan dalam menjaga keaslian hadith serta bagaimana mereka tetap aktif dalam mengajarkan ilmu agama dan aktiviti intelektual serta sosial para zaman Nabi SAW. Mereka yang terlibat adalah Aishah R.HA, Fatimah R.HA, Asma’ R.HA dan Ummu Darda’ R.HA. Hasil kajian menunjukkan wanita memainkan peranan besar dalam periwayatan hadis yang melibatkan bukan sahaja para sahabiah namun juga generasi tabi’in dan tabi’ tabi’in. Mereka mendirikan majlis ilmu dan mengajarkan hadith kepada murid-murid lelaki mahupun perempuan sehingga memastikan penyebaran adalah meluas. Berdasarkan penelitian, keseluruhan maklumat perbincangan tidak melibatkan tokoh yang dikaji dalam kajian ini manakala peranan-peranan lain bagi setiap tokoh yang dikaji tidak dibincangkan dengan mendalam kerana memfokuskan kepada aspek periwayatan hadith.

Manakala kajian oleh, Asyraf et al (2010) yang bertajuk “Peranan Wanita Dalam Pembangunan Keluarga dari Perspektif Fi Zilal al-Quran”. Kajian ini mengkaji tentang peranan wanita berdasarkan penjelasan ahli tafsir, Sayyid Qutb yang ditonjolkan oleh beliau dalam penjelasan terhadap ayat-ayat berkaitan wanita. Penyelidikan kualitatif menjadi pendekatan kajian ini dengan mengaplikasikan analisis kandungan terutama terhadap kitab peninggalan ulama besar Islam iaitu Sayyid Qutb yang bertajuk *Fī zilāl al-Qurān*. Hasilnya, terdapat empat tema iaitu kekuatan lelaki dan kemuliaan wanita, keperluan kehidupan berkeluarga, ketaatan atas kesolehan wanita dan pengorbanan wanita dalam kehidupan berkeluarga. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa wanita mempunyai peranan yang besar terhadap pembangunan keluarga, masyarakat dan negara. Agama Islam mengiktiraf peranan kaum wanita ini dan mereka diberikan ruang dan peluang untuk aktif dalam pembangunan seiring dengan kaum lelaki. Jelasnya, kajian ini tidak melibatkan pengkajian tentang peranan tokoh-tokoh sahabiah pada zaman Nabi SAW berdasarkan hadith-hadith Nabi SAW dan menjelaskannya berdasarkan penjelasan ulama hadith dalam kitab *shurūh al-hadīth*.

Jika diteliti terhadap kajian-kajian lepas yang dirujuk, kesemua kajian mengkaji tentang peranan tokoh-tokoh wanita awal Islam secara umum namun tidak melibatkan tokoh-tokoh yang tidak diterokai tentang peranan dan sumbangan mereka terhadap Islam dan bidang agama Islam khususnya Ummu ‘Atiyyah R.HA. Oleh itu, artikel ini berusaha untuk mengkaji peranan dan kewibawaan seorang tokoh sahabat wanita tersebut terhadap Islam yang meliputi pembangunan masyarakat dan serta penglibatannya dalam bidang hadith secara bersama.

Kerangka Konseptual Kajian



Metodologi Dan Skop Kajian

Kajian ini mengaplikasikan metode perpustakaan untuk mengumpul maklumat dan kaedah analisis kandungan digunakan untuk menganalisis maklumat yang telah dikumpulkan. Hal yang demikian kerana, kajian ini merujuk kepada teks *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* untuk meneliti hadith-hadith yang diriwayatkan oleh Umm ‘Atiyyah R.HA. Demikian juga penelitian syarahan hadith dengan meneliti isi kandungan maksud hadith berdasarkan kitab syarahan hadith yang telah ditetapkan iaitu *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Keseluruhan kajian adalah melibatkan kajian perpustakaan iaitu merujuk kitab, buku, tesis, disertasi, makalah-makalah ilmiah dan beberapa bahan lain dalam kategori yang sama. Sementara itu, kajian ini hanya memfokuskan kepada hadith riwayat Ummu ‘Atiyyah R.HA dalam *Kitāb al-Janā'iz* sahaja kerana hadith-hadith beliau amat banyak maka pemilihan sampel secara rawak adalah memadai untuk mencapai satu objektif kajian iaitu menganalisis peranan sahabiah pada zaman awal Islam

berdasarkan hadith-hadith riwayatnya. Skop penjelasan maksud hadith pula, sekiranya sharahan sesuatu hadith terdapat dalam kitab sharahan yang telah ditetapkan maka memadai namun sekiranya maklumat terlalu ringkas maka penulis merujuk beberapa kitab sharahan yang lain untuk melengkapkan maklumat sedia ada. Manakala perbincangan sharahan hadith tidak melibatkan keseluruhan fiqh hadith yang terlibat kerana memfokuskan kepada peranan sahabat tersebut untuk mencapai objektif kajian ini.

Latar Belakang Ummu ‘Aṭiyyah R.Ha Dan Perwayatannya

Nama sebenar beliau adalah Nusaybah binti al-Ḥārith namun sebahagian ahli hadith seperti Yaḥya ibn Ma‘īn dan Aḥmad ibn Ḥanbal berpendapat beliau bernama Nusaybah binti Ka‘b namun pendapat ini dibahtah oleh Abu ‘Umar kerana Nusaybah binti Ka‘b adalah Umm ‘Ammārah yang merujuk kepada orang yang berbeza (Ibn ‘Abd al-Bar, 1947). Beliau meninggal pada tahun ke 70-H (Ibn ‘Abd al-Bar, 1947). Beliau antara ahli fiqh dalam kalangan sahabat wanita dan meriwayatkan beberapa hadith. Beliau meriwayatkan hadith daripada Nabi SAW dan juga ‘Umar R.H. Menurut Ibn Hajar, beliau diiktiraf sebagai sahabat yang masyhur dan mulia di Kota Madinah yang termasuk dalam tingkatan (tabaqat) pertama (Ibn Hajar al-‘Asqalānī, 1986). Terdapat beberapa orang tokoh dalam kalangan tabiin yang meriwayatkan hadith daripadanya iaitu Muḥammad ibn Sīrīn dan juga kakaknya iaitu Hafṣah binti Sīrīn R.HA, Umm Sharāḥīl, ‘Alī ibn al-Aqmar, ‘Abd al-Malik ibn ‘Umayr, Isma‘īl ibn ‘Abd al-Raḥman, Ismā‘īl ibn ‘Abd al-Raḥman ibn ‘Aṭiyyah dan Anas ibn Mālik. Hadith-hadithnya diriwayatkan dalam *al-Kutub al-Sittah* dan beliau masyhur dalam kalangan ahli hadith dengan riwayatnya tentang mencuci bekas atau wadah milik Rasulullah SAW yang dimasukkan dalam kitab sahih. Sekumpulan ulama daripada golongan tabiin mengambil hukum daripada hadith riwayatnya tersebut (Ibn Kathīr al-Qursyī, 2011).

Dalam kalangan sahabat Nabi SAW, beliau lebih dikenali sebagai tukang memandikan jenazah puteri Nabi SAW iaitu Zaynab R.HA (al-Dhahabī, 1985). Beliau juga terkenal sebagai pengajar ilmu memandikan jenazah kepada tabiin seperti Muḥammad ibn Sīrīn sehinggalah beliau tahu selok belok kaifiat untuk memandikan dan pengurusan jenazah (Ibn Hajar al-‘Asqalānī, 1415H). Kewibawaan beliau lebih jelas apabila beliau merupakan antara sahabat awal yang memeluk Islam dan baiat dengan Rasulullah SAW serta bersama-sama berperang di medan jihad. Menurut Ibn Sa‘d, dalam sahih Muslim terdapat riwayat daripada Umm ‘Aṭiyyah R.HA bahawa beliau terlibat dalam tujuh peperangan yang ditugaskan untuk menjalankan tanggungjawab penting dalam bidang logistik dan medis kepada tentera-tentera Islam di medan perang. Perkara ini menunjukkan beliau antara barisan hadapan (*fonliners*) yang berada dibelakang tentera-tentera Islam (Ibn Sa‘d, 1990). Antara perang yang beliau ikuti adalah perang Khaibar bersama Rasulullah SAW (Ibn Hajar al-‘Asqalānī, 1415H). Antara riwayat beliau adalah berkaitan larangan bagi golongan wanita mengiringi jenazah namun larangan tersebut tidak bersifat haram dan hadith-hadith berkaitan perkara tersebut terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah* (Ibn Hajar al-‘Asqalānī, 1415H).

Hadith Riwayat Ummu ‘Aṭiyyah R.Ha Berkaitan Pengurusan Jenazah Dalam Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī

Hasil analisis menunjukkan, terdapat 36 riwayat hadith Umm ‘Aṭiyyah dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, daripada itu 5 riwayat hadith berkaitan pengurusan jenazah terhadap puteri Nabi SAW oleh beliau. Butiran riwayat yang terlibat dipaparkan sebagaimana Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Taburan Hadith Riwayat Ummu ‘Aṭiyyah R.HA Tentang Pengurusan Jenazah Puteri Rasulullah SAW

Sub-Kitab	Sub-Bab	No. hadith
<i>Kitāb al-Janā’iz</i>	<i>Bāb ghasl mayyīt wa wuḍū’ih bi al-mā’ wa al-sidr</i>	1253
	<i>Bāb ma yutahab ‘an yushsal witrān</i>	1254
	<i>Bāb yuj’al al-kāfūr fi akhīrah</i>	1258
	<i>Bāb al-‘Ish ‘ār al-mayyīt</i>	1261
	<i>Bāb yulqā sha’r al-mar’ah khafahā</i>	1263

Petikan hadith sebagaimana berikut:

عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، قَالَتْ: دَخَلَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَنَحْنُ نَغْسِلُ ابْنَتَهُ، فَقَالَ: اغْسِلْنَهَا ثَلَاثًا، أَوْ حَمْسًا، أَوْ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ، بِمَاءٍ وَسِدْرٍ، وَاجْعَلْنَ فِي الْآخِرَةِ كَافُورًا، فَإِذَا فَرَغْتُمْ فَأَذِنِّي

Terjemahan: Mandikan dia sebanyak tiga kali atau lima kali atau lebih sekiranya kalian merasa perlu dengan air (yang dicampuri) dengan sidr dan jadikan ketika basuhan terakhir dengan *al-kāfūr* atau sejenisnya. Apabila kalian telah selesai beritahulah aku.

(al-Bukhārī, no. Hadith 1253)

Merujuk Jadual 1, daripada lima riwayat yang dikenali pasti empat riwayat daripada jalur Muḥammad Ibn Sīrīn dan satu riwayat daripada jalur Hafṣah binti Sīrīn. Mereka adalah generasi tabiīn yang mempelajari cara mengurus jenazah daripada Umm ‘Aṭiyyah R.HA sehingga mengetahui kaifiatnya dengan jelas dan tepat. Jika diperhatikan nama-nama tokoh yang meriwayatkan hadith daripada Umm ‘Aṭiyyah R.HA, kedua-dua tokoh tersebut merupakan antara murid beliau. Merujuk kepada teks hadith dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, tidak terdapat riwayat yang menyebut nama jenazah puteri Rasulullah SAW secara khusus namun terdapat beberapa pendapat ulama tentangnya.


Pendapat yang paling masyhur berdasarkan riwayat Muslim melalui jalur Hafṣah binti Sīrīn yang menyatakan jenazah tersebut adalah Zaynab R.HA yang meninggal dunia pada tahun 8H. Manakala majoriti ahli sejarah Islam berpendapat, ia adalah Umm Kalthum R.HA namun pendapat tersebut disangkal oleh al-Mundhirī dengan alasan ketika mana puteri itu meninggal dunia Rasulullah SAW berada di medan perang Badar yang menyebabkan baginda tidak sempat menghadiri pengebumiannya. Namun menurut Ibn Qaṭṭān, pendapat al-Mundhirī tersebut tersilap kerana puteri yang meninggal pada ketika itu adalah Ruqayyah R.A. mengenai perbezaan pendapat ini, al-‘Aynī menjelaskan bahawa Umm ‘Aṭiyyah R.HA adalah wanita yang sering memandikan jenazah wanita dan beliau terlibat memandikan kedua-dua puteri Nabi SAW tersebut (al-‘Aynī, 2001; Ibn Hajar al-‘Asqalanī, 1379H).

Mengenai fiqh hadith, Nabi SAW menyarankan para sahabat wanita menggunakan dua bahan untuk memandikan jenazah puterinya iaitu *al-sidr* dan *al-kāfūr*. Menurut Ibn Baṭṭāl (m.449H), tema utama yang ingin disampaikan berdasarkan riwayat tersebut adalah tentang kaifiat memandikan mayat dengan menggunakan air yang dicampurkan dengan *sidr* iaitu daun bidara (*The IUCN Red List of Threatened Species* 2020, 2022) yang telah dihancurkan dan juga *al-*

kāfūr (Ibn Battāl, 2003). Menurut al-Zurqānī (m.1122H), *al-kāfūr* pula adalah sejenis wangian yang sememangnya dikenali oleh masyarakat Arab dan biasa digunakan untuk mewangikan mayat. Ia adalah sejenis damar pokok berwarna putih dan lembut yang diambil daripada sejenis pokok yang tumbuh di kawasan hutan belantara dan berbukit yang terletak di antara *al-Hind* dan China (al-Zurqānī, 2003). Dapat dipastikan bahan tersebut merujuk kepada kapur daripada spesies *Dryobalanops aromatica* iaitu jenis kapur barus yang berasal dari Barus, Indonesia yang telah popular digunakan dengan meluas dalam kalangan masyarakat Timur Tengah sejak sebelum Islam lagi (Rusni, 2023).

Peranan Ummu ‘Atiyyah R.Ha Berdasarkan Hadith Dalam Kitab *Al-Janā’iz* Dalam *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*

Merujuk perbincangan tentang latar belakang Umm ‘Atiyyah R.HA dan riwayat beliau tentang pengurusan jenazah puteri Nabi SAW, terbukti beliau merupakan seorang sahabat wanita, perawi wanita, srikandi pejuang Islam, pakar rujuk dan juga seorang pendidik pada zaman awal Islam. Peranan dan sumbangan beliau terhadap Islam diperincikan dalam perbincangan berikut.



Sahabat dan Perawi Hadith

Perkataan sahabat berasal daripada bahasa Arab iaitu kata dasar *sahiba* yang secara bahasa bererti teman atau sahabat. Adapun secara terminologi terdapat pelbagai definisi antaranya yang dikemukakan oleh ahli hadith dan ulama usul fiqh. Secara umumnya, ahli hadith seperti yang dikemukakan oleh Ibn al-Ṣalāḥ, sahabat adalah setiap orang Islam yang pernah melihat Rasulullah SAW. Sedangkan menurut al-Suyūṭī, definisi tersebut kurang sempurna kerana dengan terdapat sahabat yang tidak dapat melihat Rasulullah SAW seperti ‘Abd Allah Ibn Umri Maktum sekalipun pernah berjumpa dengan baginda SAW. Padahal seluruh ulama sepakat bahawa beliau adalah sahabat Nabi SAW. Oleh itu, definisi yang lebih tepat adalah orang yang pernah bertemu Nabi SAW, beriman dengannya dan meninggal dunia dalam keadaan Islam (al-Suyūṭī, t.t.p).

Dalam Islam, para sahabat sinonim dikaitkan dengan istilah *‘adalah al-ṣaḥābah* iaitu generasi manusia yang mentaati perintah Allah SWT, menjauhi diri daripada perbuatan keji, memelihara hak dan kewajipan, memelihara lidah daripada kata-kata yang dapat merosak ajaran agama dan berani menegakkan yang benar. Adapun perincian tentang konsep tersebut dalam ilmu hadith

sebagaimana yang dijelaskan oleh Ibn al-Ṣalāh dan ulama hadis yang lain dengan melibatkan lima kriteria seseorang perawi iaitu (عادل) *‘adil* yang memenuhi syarat seorang yang beragama Islam, baligh, berakal, memelihara maruah dan tidak melakukan perbuatan fasik (Ibn al-Ṣalāh, 2002). Khususnya bagi sahabat Nabi SAW, hampir keseluruhan ulama menilai mereka bersifat *‘adil* dengan pengiktirafan yang masyhur *‘al-ṣaḥābah kulluhum ‘udūl’*, maka tidak dapat dipersoalkan lagi akan kredibiliti mereka (Ibn Hajar al-‘Asqalānī, 1415H). Menariknya, kriteria yang dinyatakan oleh ahli hadis dalam menentukan sifat *‘adalah* seseorang perawi termasuklah sahabat tidak melibatkan jantina hal ini kerana selama mana seseorang perawi menepati kriteria tersebut apatah lagi daripada golongan sahabat maka diterima oleh ahli hadis dan secara tidak langsung oleh agama Islam itu sendiri.

Srikandi Perang

Jika diperhatikan terhadap latar belakang Umm ‘Aṭīyyah R.HA, beliau terlibat dalam tujuh peperangan dalam Islam dengan peranannya yang tersendiri seperti menyediakan makanan, minuman dan rawatan kepada tentera-tentera Islam. Tugasannya ini adalah sangat penting dalam sesuatu peperangan untuk memastikan kestabilan perang dan anggota-anggota konsisten bertahan untuk meneruskan peperangan. Mereka adalah unit kecemasan yang perlu memberikan rawatan segera untuk memastikan survival anggota bagi mengekalkan kekuatan dan semangat juang pasukan. Mereka menyelamatkan nyawa, melakukan operasi penyelamat yang berterusan dan memerlukan kemahiran perubatan pada tahap maksimum. Sudah tentulah wanita-wanita yang ikut serta di medan perang bukanlah wanita biasa namun wanita-wanita yang hebat dan kuat untuk menggalas tanggungjawab tersebut. Oleh yang demikian, sekiranya Nabi SAW mendiskriminasikan golongan wanita, sudah tentu baginda tidak membenarkan golongan wanita terlibat dalam urusan penting negara seperti tersebut walaupun berada di barisan belakang. Maka jelaslah bahawa Nabi SAW meraikan dan memberi perhatian dan ruang yang sesuai dengan kemampuan golongan wanita untuk bersama-sama dalam urusan besar pembangunan negara Islam.

Pakar Rujuk dan Pendidik

Umm ‘Aṭīyyah R.HA merupakan pakar pengurusan jenazah wanita pada zaman awal Islam. Beliau terkenal sebagai pengurus jenazah kedua-dua puteri Nabi SAW iaitu Zainab R.HA dan Umm Kalthūm R.HA. Perkara ini dapat dibuktikan berdasarkan riwayat sahih yang dikemukakan dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Menariknya, Umm ‘Aṭīyyah R.HA mengajarkan tatacara memandikan jenazah kepada golongan lelaki seperti Muḥammad bin Sīrīn daripada golongan tabiin termasuklah juga golongan wanita. Perkara ini menunjukkan, sejak awal kedatangan Islam para wanita telah memainkan peranannya dalam kegiatan sosial Masyarakat Arab khususnya bidang pendidikan yang tidak dikuasai oleh golongan lelaki. Walaupun berbeza jantina, Nabi SAW dan Islam tidak pernah bias terhadap kemampuan wanita hal ini kerana selama mana mereka mampu memahami sesuatu ilmu serta masih dalam ruang yang sesuai dengan syariat Islam maka tiada halangan bagi mereka untuk berinteraksi dengan masyarakat luar. Justeru, perkara ini menunjukkan Islam tidak merendahkan kedudukan wanita bahkan memberi peluang dan ruang kepada mereka untuk terlibat dalam kegiatan sosial masyarakat seterusnya mendidik masyarakat dan membangunkan negara dalam bidang masing-masing.

Kesimpulan

Hasil analisis hadis-hadis berkaitan pengurusan jenazah terhadap puteri Nabi SAW dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī menunjukkan Umm ‘Aṭīyyah meriwayatkan lima hadis berkaitan dalam bab yang berbeza. Kewibawaan dan periwayatan beliau terbukti diterima dalam Islam dan secara

langung menolak dakwaan bahawa Nabi SAW mendiskriminasikan golongan wanita. Ummu ‘Atiyyah R.HA merupakan sahabat dan ahli fiqh yang masyhur pada zaman awal Islam, berbaiah dengan Nabi SAW dan terlibat dalam 7 peperangan dalam Islam.

Periwayatannya pula diterima tanpa sebarang keraguan kerana statusnya sahabat yang tinggi dalam Islam dan ahli hadith bersepakat tentang ‘adalah mereka tidak boleh dipertikaikan walaupun daripada golongan wanita. Hal ini kerana, syarat penerimaan riwayat tidak melibatkan aspek jantina. Keterlibatan wanita dalam periwayatan hadith kebiasaannya kerana peranannya yang dimainkan dalam sesuatu keadaan misalnya Umm ‘Atiyyah R.HA seorang sahabat Nabi SAW yang meriwayatkan hadith-hadith melibatkan hal ehwal memandikan jenazah wanita pada zaman awal Islam. Dengan ini dapat difahami bahawa segala aktiviti pelaksanaan peranan seseorang sahabiah pada zaman awal Islam terakam dalam hadith-hadith yang diriwayatkan secara langsung atau juga hadith -hadith yang bukan diriwayatkan secara tidak langsung.

Manakala tentang penglibatan Ummu ‘Atiyyah R.HA dalam tujuh peperangan, perkara ini menunjukkan beliau seorang yang hebat dan diiktiraf oleh Nabi SAW terhadap kemampuannya. Justeru, perkara ini menunjukkan Nabi SAW tidak bersikap bias terhadap golongan wanita sebagaimana dakwaan golongan feminisme kerana baginda SAW memberikan peluang dan ruang dengan tugas dan tanggungjawab yang besar untuk memastikan keperluan penting bagi tentera-tentera Islam di medan perang adalah lengkap iaitu dari sudut penyediaan makanan dan minuman serta rawatan kecederaan. Mereka adalah barisan yang penting dalam peperangan dan diberikan kepercayaan oleh Nabi SAW.

Selain itu, beliau juga merupakan seorang pakar rujuk bagi golongan tabiin daripada golongan lelaki khususnya dalam mempelajari ilmu pengurusan jenazah. Kegiatan sebagai pendidik ini kerana kearifannya dalam ilmu pengurusan jenazah sehingga menjadi tempat rujukan. Nabi SAW membuka ruang yang luas dalam bidang pendidikan tanpa mengira jantina untuk menyampaikan ilmu dan menimba ilmu pengetahuan selama mana mereka memelihara batasan yang ditetapkan oleh agama.

Oleh itu, dakwaan golongan feminisme sangat jelas tidak berasas dan mereka hanya ingin menolak hadith dan agama Islam itu sendiri dengan cara yang halus dan secara tidak langsung. Jika mereka terokai peranan para sahabiah terhadap pembangunan masyarakat dan negara Islam sudah tentu mereka akan terkejut dan terkesima dengan penglibatan mereka yang begitu meluas.

Penghargaan

Penghargaan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) atas kelulusan geran penyelidikan industri yang dibiayai oleh Persatuan Kebajikan Sakinah Janda Baik (PERKS). Tajuk geran kajian adalah: ‘Pembangunan Modul Peranan Wanita Menurut Perspektif Nabawi: Kajian Berdasarkan Kisah-Kisah *al-Sahabiyyat* dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim’ dengan kod penyelidikan 2025-0039-106-15. Artikel ini telah dibentangkan dalam 6th *International Islamic Heritage Conference 2025*, pada 28 Mei tahun 2025.

Bibliografi

- Agung Danarta. 2007. Perempuan Periwiyat Hadis dalam al-Kutub al-Tis'ah. Tesis kedokteran, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Indonesia.
- Asyraf Ab Rahman. 2010. Peranan Wanita dalam pembangunan Keluarga dari Perspektif Fi Zilal al-Quran. *Journal of Governance and Development*, vol.6, 14-21.
- al-'Aynī, Muḥammad ibn Maḥmūd. 2001. *Umdat al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. 'Abd Allah Maḥmūd Muḥammad 'Umar. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al--Bukhārī, Muḥammad bin Isma'īl, 2008. al-Ṣaḥīḥ al-Bukhārī dalam Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Syarīf al-Kutub al-Sittah, Riyāḍ: Dār al-Salām.
- al-Dhahabī, Muḥammad ibn Aḥmad. 1985. *Siyar 'A'lām al-Nubalā'*, ed. Panel penyemak dan Syu'ayb al-Arna'ūt, Mu'assasah al-Risālah: t.t.p.
- al-Suyūṭī, 'Abd al-Rahmān bin Abu Bakr. t.t. Tadrīb al-Rāwī fi Sharḥ Taqrīb al-Nawawī, ed. Abu Qutaybah Naẓr Muḥammad al-Fāryabī, t.tp: Dār Taybah.
- al-Zurqānī, Muḥammad ibn 'Abd al-Bāqī. 2003. *Sharḥ al-Zurqānī 'ala al-Muwatṭā'*, ed. Ṭaha 'Abd al-Ra'ūf Sa'd (Kaherah: al-Maktabah al-Thaqāfah al-Dīniyyah.
- Baterah Alias & Che Zarrina Sa'ari .2007. Islam Dan Emansipasi Wanita. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Diop, F.N, *Ziziphus spina-christi*. *The IUCN Red List of Threatened Species* 2020, dicapai pada 18 April 2025, <https://dx.doi.org/10.2305/IUCN.UK.20203.RLTS.T19180920A136676175.en>.
- Ernawati Ginting, Alwi Khomaid Akbar, M Agil Srg & Uday Hasim, Peran Wanita dalam Pengumpulan dan Penyebaran Hadis, *Al-Mikraj* 5 (1), 2024, 115-126. Doi: 10.37680/almikraj.v5i01.5544
- Ibn 'Abd al-Bar, Yūsūf ibn 'Abd Allah. 1992. al-Istī 'āb fi Ma 'rifah al-Aṣḥāb, ed. 'Ali Muḥammad al-Bajāwī. Beirut: Dār al-Jīl.
- Ibn al-Kathīr, Ismā'īl bin 'Amr, 1419H. Tafsīr al-Qurān al-'Azīm, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Kathīr al-Qursyī, Isma'īl ibn 'Umar. 2011. al-Takmil fi al-Jarḥ wa al-Ta'dl wa ma'rifah al-Thiqāt wa al-ḍu 'afā' wa al-Mujāhil, ed. Shādī ibn Muḥammad ibn Sālim Āli Na'mān. Yaman:Markaz al-Nu'mān li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah.
- Ibn al-Ṣalāḥ, 'Uthmān bin 'Abd al-Raḥman. 2002. Ma'rifah 'Anwā' 'Ulūm al-Ḥadīth, ed. ,Abd al-Laṭīf al-Hamīm dan Māhir Yāsin al-Faḥl, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Baṭṭāl, 'Ali ibn Khalf. 2003. *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Baṭṭāl*, ed. Abū Tamīm Yāsir ibn Ibrāhīm (Riyadh: Maktabat Rushd.
- Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Aḥmad ibn 'Alī. 1379. *Faṭḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- _____. 1415H. al-Iṣābah fi tamyīz al-Ṣaḥābah, ed. 'Ādil Aḥmad 'Abd al-Mawjūd dan 'Alī Muḥammad Ma'waḍ. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- _____. 1986. Taqrīb al-Tahdhīb, ed. Muḥammad 'Awwāmah (Syria: Dār al-Rashīd, 1986.
- Ibn Sa'd, Muḥammad, 1990. al-Ṭabaqāt al-Kubrā, ed. Muḥammad 'Abd al-Qādir 'Aṭā, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Md. Asham Ahmad. 2022. Feminisme Islami: Suatu Kritikan Terhadap Faham Keadilan Musawah, *Afkar* vol. 24 Issue 1, 1-32.
- Muhammad Adam Abd. Azid, Najah Nadiah Amran & Hamdi Ishak. 2025. Pemerkasaan wanita menurut perspektif Hadis: Satu Sorotan Literatur. *Ulm Islamiyyah*, vol.37, no.1, 26-38.
- Muhammad Rikza Muqtada, Istianah, Ahmad Sharifuddin bin Mustapha. 2024. Musawa, vol. 23, no. 1, 55-72.

- Nasrudin Hassan & Abdul Hafiz Mat Tuah, Peranan Wanita dalam melestarikan gerakan dakwah, Jurnal Yadim vol.2 (1), Jun 2022: 85-96. Doi: 10.61465/jurnalyadim.v2.81
- Rusni Mohamad. 2023. Lafaz *Gharīb* Bahan Berasaskan Tumbuhan Dalam Hadith: Analisis Hubungannya Dengan Alam Melayu. tesis kedoktoran, Universiti Sains Malaysia.
- Zunyl Nadia, Peran dan aktivitas perempuan era Muhammad SAW (Studi Atas Hadis-Hadis Riwayat Sahabat Perempuan), Humanisma, Journal of Gender Studies 4 (1), 2020, 16-32. Doi: <https://doi.org/10.30983/humanisme.v4i1.3189>